



PANDUAN PENJAGAAN PERANTI KOMPUTER



1 PANDUAN PENJAGAAN KEBERSIHAN



A Amalkan Kebersihan Semasa Menggunakan Peranti Komputer

- Pastikan tangan anda bersih dan kering sebelum menggunakan peranti komputer.
- Elakkan daripada makan dan minum ketika menggunakan peranti komputer. Tumpahan cecair atau makanan boleh menyebabkan kerosakan elektrik dan kecederaan yang serius kepada diri anda.
- Memastikan peranti komputer bebas daripada sebarang pelekat 'sticker' yang tidak berkaitan, menconteng atau mengukir di permukaan peranti komputer.

B Bersihkan Peranti Komputer Sekali Setiap Minggu

- Matikan peranti komputer dan cabut kepala plug dari soket elektrik.
- Gunakan kain kering yang lembut, kain anti-statik atau tisu lembap pembasmi kuman untuk membersihkan peranti komputer daripada habuk dan kotoran, terutamanya pada papan kekunci, skrin dan ruang pengudaraan kipas penyejuk, dan cabut kepala plug dari soket elektrik.
- Jika anda menggunakan cecair pembersih peranti komputer, jangan sembur cecair tersebut secara terus ke komputer. Sebaliknya, sembur cecair di atas kain pembersih.
- Disyorkan untuk membersihkan peranti komputer sekali setiap minggu.

2 PANDUAN PENGGUNAAN PERANTI KOMPUTER



A Sebelum Penggunaan

- Pegang tapak dibawah peranti komputer ketika mengangkat dan membawanya.
- Letakkan peranti komputer di atas permukaan yang bersih, rata dan tidak menghalang laluan ruang pengudaraan kipas penyejuk peranti komputer.
- Sambungkan kabel aksesori luaran ke slot peranti komputer mengikut kesesuaian dan dipasang dengan cermat.

B Semasa Penggunaan

- Sentiasa mengecas bateri ketika menggunakan peranti komputer.


JANGAN ❌

- Meletakkan objek berat diatas peranti komputer.
- Menekan atau menyentuh skrin.
- Mendedahkan peranti komputer dikawasan yang bersuhu tinggi atau perubahan suhu yang drastik.
- Menggunakan laptop diatas permukaan objek yang lembut seperti bantal atau tilam bagi mengelakkan sekatan saluran pengudaraan.
- Menggunakan medan magnet ketika menggunakan komputer riba

C Selepas Penggunaan

- Pastikan skrin peranti komputer padam sepenuhnya selepas 'shut down'.
- Pastikan tiada objek kecil di papan kekunci sebelum menutup peranti komputer tersebut.
- Matikan peranti komputer dan cabut kepala plug dari soket elektrik.
- Tutup dan tanggalkan kepala plug dari soket sekiranya berlaku ribut petir.
- Gulung dan ikat kabel adaptor dengan cermat.


3 PANDUAN PENYIMPANAN



Jangan meletakkan objek berat diatas peranti komputer. Tekanan yang berlebihan boleh menyebabkan kerosakan pada skrin dan papan kekunci.

Simpan peranti komputer di dalam beg yang telah disediakan.

Asingkan peranti komputer dan adaptor serta aksesori luaran yang lain di ruang yang berasingan didalam beg.



4 PANDUAN PENGURUSAN DATA DAN MAKLUMAT



Adalah menjadi tanggungjawab pelajar sendiri untuk memastikan data dan maklumat peribadi serta dokumen pembelajaran dijaga dan disimpan dengan baik.

Pelajar disyorkan untuk menyimpan data dan maklumat yang penting menggunakan 'memory stick' atau 'hard drive' sendiri sebagai tempat penyimpanan tambahan jika berlaku kegagalan teknikal kepada peranti komputer.

